

Pensyarah UniSZA meninggal dunia di Oman

KUALA TERENGGANU- Pensyarah Fakulti Pengajian dan Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Mohd Shahril Othman meninggal dunia di Lapangan Terbang Antarabangsa Oman kira-kira jam 4 petang kelmarin, waktu Malaysia.

Beliau yang juga Pengarah Pejabat Kolej Kediaman (PKK) UniSZA, meninggal dunia akibat serangan jantung ketika

sedang menunggu penerbangan untuk pulang ke Malaysia, selepas selesai urusan penyelidikan di Arab Saudi bersama dua pensyarah lain.

UniSZA dalam kenyataannya berkata, Allahyarham telah berkhidmat di UniSZA selama 10 tahun, bermula 2008 dan meninggalkan empat orang anak.



MOHD SHAHRIL

Jenazah Allahyarham masih lagi berada di Oman dan akan dibawa pulang ke Malaysia selepas segala urusan jenazah selesai.

Warga UniSZA menyifatkan pemergian Allahyarham sebagai satu kehilangan besar buat warga universiti itu.